



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Tapak pelupusan sampah haram disita serta-merta</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 1

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
2.	<u>Tapak pelupusan sampah disita</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Teknologi Hijau dalam Pendidikan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Advertorial: Lynas Corporation</u>	Sinar Harian & Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Belukar punca 1,001 masalah</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Teknologi Hijau Dalam Kehidupan</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 6
7.	<u>Johor tubuh Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Advertorial: Lynas Corporation</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 8
9.	<u>AI to drive digital services</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 9



ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
10.	<u>Heatwave may hasten Arctic ice melt</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 10
11.	<u>LightSail 2, belayar di angkasa tanpa bahan api roket</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 11
12.	<u>Sisa plastik bayar makanan</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 12

LAMPIRAN 1
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 10
TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)

Tapak pelupusan sampah haram disita serta-merta

Kawasan seluas 1.4 hektar punca pencemaran di Sungai Muda sejak 2008

Oleh M Hizduddin Ikhsan dan Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Tapak pelupusan sampah haram di Kampung Kemumbong, Sidam Kiri, di sini disita kerajaan negeri, berkuat kuasa semalam.

Tindakan itu dibuat selepas tinjauan tapak dibuat Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Tan Kok Yew bersama pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Kedah.

Kok Yew berkata, tapak pelupusan sampah haram seluas 1.4 hektar itu didapati melakukan kerja pembuangan sampah yang turut menyebabkan pencemaran di Sungai Muda sejak 2008.

Katanya, antara sisa sampah dibuang termasuk bahan plastik, tanaman, bahagian kenderaan, elektronik dan bahan kimia yang dipercayai dibawa dari kilang di Pulau Pinang.

"Berkuat kuasa serta-merta, tapak pelupusan sampah ini disita bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat SWCorp Kedah dan MPSPK, selain mengesan punca sebenar sisa sampah ini.

"Kita kesal kerana pemilik tanah membenarkan kawasannya dijadikan tapak pelupusan sampah dan ada antara sampah dibawa dari



Kok Yew (kiri) meninjau tapak pelupusan sampah haram, di Kampung Kemumbong Sungai Petani, semalam.

[Foto Nor Farhani Che Ad /BH]

Pulau Pinang untuk dilupuskan di Kedah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

BH semalam melaporkan kegiatan seorang pemilik tanah membenarkan sekurang-kurangnya 30 lori membawa muatan sampah sehari untuk dilupuskan di situ dengan bayaran RM20 setiap lori.

Kegiatan berlarutan sejak 11 tahun lalu itu, menyebabkan keadaan tidak selesa kepada kira-kira 500 penduduk kampung kerana ia mengeluarkan bau dan keadaan berhabuk.

Kok Yew berkata, tindakan menyita itu dibuat mengikut Seksyen 81(3) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam kerana pemilik tanah didapati melupuskan sampah di kawasan tidak dibenarkan.

"Kita akan ambil tindakan ke atas pemilik tanah dan memberi jaminan kepada penduduk kampung bahawa semua sisa sampah akan dibersihkan selepas siasatan, termasuk ujian sampel air di Sungai Muda selesai dibuat.

"Secara keseluruhan, keadaan di sini terkawal dan kita akan mengadakan mesyuarat bagi menentukan tindakan akan diambil segera selepas ini," katanya.

Difahamkan, satu mesyuarat membabitkan kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, SWCorp Kedah dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah diadakan petang semalam, dengan keputusan mengennainya diumumkan hari ini.

Sementara itu, pemilik tanah,

Ishak Che Su, 60, berkata sampah dilonggok di tapak itu bagi menimbus kembali kawasannya yang dihakis Sungai Muda sejak lebih 10 tahun lalu.

"Saya tidak tahu sisa sampah apa yang dibawa lori kerana jumlah dibawa masuk tidak banyak, selain tidak tahu ia menjadi kesalahan," katanya yang merancang mengusahakan ladang ternakan lembu di kawasan terbabit.



Keratan akhbar BH Ahad.

LAMPIRAN 2

SINAR HARIAN (UTARA): MUKA SURAT 38

TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)



Kok Yew membuat pemeriksaan ke atas tapak pelupusan sampah di Kampung Kemumbang Sidam Kiri petang semalam.

Tapak pelupusan sampah disita

SUNGAI PETANI - Kerajaan Kedah menyita tapak pelupusan sampah berkeluasan 17,033.92 meter persegi dekat Kampung Kemumbang, Sidam Kiri kerana didakwa beroperasi tanpa kelulusan.

Exco Kerajaan Tempatan, Tan Kok Yew berkata, tindakan menyita berkuat kuasa semalam susulan lawatan ke tapak pelupusan bersama agensi terlibat petang semalam.

Menurutnya, siasatan lanjut dilakukan kerana operasi melupuskan sampah di kawasan terbabit disyaki dilakukan di kawasan tidak dibenarkan.

“Kita sita kawasan ini serta-merta dan mesyuarat diadakan jam 5 petang

ini (semalam) untuk membincangkan perkara berkenaan membabitkan agensi berkaitan,” katanya.

Beliau berkata, tindakan diambil berdasarkan Seksyen 81(3) Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam).

Menurutnya, hasil risikan, kebanyakan lori yang menghantar sisa sampah di tapak berkenaan adalah lori yang melakukan kutipan di kawasan kilang.

Difahamkan, tapak terbabit dikendalikan individu selain berstatus perendirian menerima kira-kira 30 buah lori sehari dengan bayaran antara RM20 hingga RM40 selori bagi melupuskan sisa pepejal.

LAMPIRAN 3
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 13
 TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)

PUTRAJAYA - Isu pemanasan global yang kini hangat diperkatakan oleh media seluruh dunia mendorong kerajaan memperkenalkan silibus teknologi hijau yang akan dilaksanakan sepenuhnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun depan.

Silibus tersebut akan diperkenalkan kepada pelajar tingkatan empat dan lima termasuk dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melibatkan lima subjek iaitu sains, kimia, biologi, fizik dan asas kelestarian.

Sehubungan itu, para pelajar terutama ibu bapa tidak perlu bimbang mengenai silibus teknologi hijau yang diperkenalkan kerana ia merupakan elemen baharu yang diselitkan dalam lima subjek berkenaan dan ia tidak bersifat drastik.



Professor Madya
 Dr. Mohd Wira Mohd Shafie
 Pengarah CETREE

Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Yayasan Hijau (YaHijau) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pengarah CETREE, Profesor Madya Dr. Mohd. Wira Mohd. Shafie berkata, silibus teknologi hijau akan dilaksanakan sepenuhnya dalam KSSM tahun depan bagi mewujudkan kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, perkara tersebut perlu diberikan penekanan utama dalam usaha menyedarkan rakyat di negara ini mengenai isu pemanasan global yang kini hangat diperkatakan di seluruh dunia dan pentingnya penjagaan alam sekitar.

"Secara realitinya teknologi hijau hari ini adalah mengenai masalah alam sekitar dan isu paling besar di kalangan media seluruh dunia ialah mengenai pemanasan global. Masalah pemanasan global berpunca

"Saya perlu tekan di sini apabila silibus teknologi hijau diperkenalkan tahun depan ini bukannya kurikulum baru, cuma elemen teknologi hijau diselitkan dalam lima mata pelajaran tersebut dengan pengubahsuaian dan penambahbaikan," ujarnya.

Beliau menambah, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai teknologi hijau namun tahap kesedaran dan penglibatan orang ramai masih kurang berbanding dengan rakyat-rakyat di negara seperti Australia, New Zealand, Jepun, Amerika Syarikat (AS) dan sebagainya.

Beliau menegaskan, keadaan ini mungkin disebabkan kekurangan maklumat dan kos yang tinggi apabila melibatkan penggunaan teknologi hijau di samping itu kekurangan penguatkuasaan undang-undang serta peraturan oleh kerajaan juga dilihat menjadi salah satu penyebabnya.

Ujarnya, projek penyediaan modul teknologi hijau bermula sejak 2015 dan berakhir tahun ini mengandungi beberapa fasa iaitu fasa rintis modul kurikulum dan ko-kurikulum teknologi hijau sekolah menengah, percetakan/penghasilan dan agihan modul kurikulum dan ko-kurikulum serta bahan bantu mengajar teknologi hijau khusus untuk sekolah menengah.

Di samping itu katanya, pemantapan ilmu teknologi hijau telah dilaksanakan ke atas 2,500 guru seluruh negara apabila mereka dilatih sebagai jurulatih pakar dalam bidang teknologi hijau untuk sekolah menengah menerusi beberapa bengkel bersiri dan pengintegrasian yang dianjurkan serta penstabilan teknologi hijau.

Guru-guru terbahagi terpilih yang datang dari seluruh negara telah menghadiri sebanyak 25 bengkel bersiri mengenai pengajaran subjek teknologi hijau. Secara keseluruhannya, guru-guru tersebut telah berjaya diupayakan dan bersedia untuk

mengajar subjek teknologi hijau dalam kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima mulai tahun hadapan.

Beliau menegaskan minat pelajar terhadap subjek teknologi hijau pula semakin meningkat melalui penganjuran Karnival Teknologi Hijau tahunan peringkat negeri dan kebangsaan sejak 2016 apabila mempertandingkan tujuh kategori iaitu Reka Cipta Inovasi Teknologi Hijau, Reka Bentuk Bandar Teknologi Hijau, Green Technology Show, Green Vehicle Challenge, Green Cooker Challenge, Inovasi

Tenaga Biojisim, X-Plorace dan Kuiz Teknologi Hijau.

"Bagi kami pembelajaran secara latihan sangat efektif apabila kita melihat keberkesanan kaedah mengajar dan membuat latihan. Ini kerana pelajar sekarang tidak sama macam dahulu. Subjek Teknologi Hijau bukan sahaja teori tetapi idea praktikal yang dapat dibangunkan," ujarnya.

TEKNOLOGI HIJAU dalam Pendidikan

Kerajaan melihat silibus teknologi hijau perlu diterapkan dalam KSSM bagi memberi kesedaran kepada generasi muda untuk menerangkan kepada mereka tentang kepentingan kelestarian tenaga penggunaan air dan juga alam sekitar termasuk isu pemanasan

Jika teknologi hijau dapat diserapkan dalam kalangan pelajar di sekolah menengah, kita akan dapat membina generasi akan datang yang celik dan memahami serta menghargai bahawa pengajaran silibus subjek ini dapat membantu mereka memahami bagaimana penggunaan tenaga, air dan seterusnya memberi kesan yang baik kepada alam sekitar.

Dijangka kira-kira 2.5 juta pelajar di seluruh negara akan mendapat pendedahan mengenai teknologi hijau apabila silibus itu dilaksanakan dalam KSSM mulai tahun depan.

Justeru, beberapa pihak dan agensi kerajaan telah menjalinkan kerjasama sejak 2015 bagi menyediakan modul teknologi hijau yang termoden mencakupi seluruh aspek dan mudah diajar oleh guru-guru serta para pelajar apabila silibus tersebut mula diajar di seluruh sekolah menengah seluruh negara nanti.

Kerjasama menyediakan modul teknologi hijau melibatkan Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga dan Teknologi Hijau (CETREE) dengan kerjasama Kementerian Sains,

daripada radiasi inframerah yang terperangkap di atmosfera bumi.

"Keadaan ini telah memberi kesan kepada suhu dunia. Kita dapati peningkatan paras air laut semakin meningkat di sebabkan pencairan glasier di kutub utara dan selatan, dan pengembangan air laut yang panas. Di Malaysia pula dahulunya musim tengkujuh berlaku pada bulan Oktober hingga Disember tetapi sekarang sudah terbalik apabila musim tengkujuh sudah bermula pada bulan Jun," ujarnya baru-baru ini.

Justeru, kata Mohd. Wira, kerajaan melalui beberapa agensi kerajaan berkaitan dengan teknologi hijau telah merumuskan satu modul teknologi hijau diperkenalkan dalam KSSM bagi memberi kesedaran kepada generasi muda mengenai pentingnya penjagaan alam sekitar terutama di negara ini termasuk isu mengenai pemanasan global.



Buku-buku Modul Teknologi Hijau

LAMPIRAN 4 SINAR HARIAN & UTUSAN MALAYSIA (ADVERTORIAL): MUKA SURAT 3 & 6 TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)



Salam Sejahtera,

Saya merupakan Pengarah Urusan Lynas Malaysia dan saya menulis kepada anda bagi pihak semua warga kerja dan kontraktor Lynas berserta keluarga mereka.

Sejak minggu kebelakangan ini, anda pasti telah melihat satu kempen menyebarkan maklumat palsu oleh aktivis anti-Lynas. Kami sentiasa mengalu-alukan perdebatan yang sihat, tetapi penyebaran maklumat dan tuduhan palsu tidak dapat kami terima.

Kami tidak boleh membenarkan penipuan disebarkan tanpa dicabar dan kami tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang berterusan mencemar dan memfitnah warga kerja dan organisasi kami.

Lynas Malaysia adalah sebuah organisasi yang mematuhi perundangan. Laporan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi mengenai Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) 2018 lantikan kerajaan Pakatan Harapan yang telah dikeluarkan pada bulan Disember 2018, adalah merupakan kajian yang terkini daripada empat kajian tempatan dan antarabangsa yang telah mendapati bahawa operasi kami adalah berisiko rendah dan mematuhi perundangan dan peraturan. Pandangan ini juga telah disokong oleh pakar-pakar sains yang terkenal di Malaysia.

Kami bangga dengan pencapaian cemerlang rekod pekerjaan, kesihatan, keselamatan dan persekitaran pihak kami. Oleh itu persoalannya adalah – kenapa Lynas Malaysia masih disasar oleh satu kumpulan kecil aktivis walaupun organisasi kami telah berulang kali membuktikan bahawa ianya telah memenuhi segala kehendak kesihatan, keselamatan dan persekitaran.

Kami telah diberikan pengiktirafan piawai ISO peringkat antarabangsa dan kami juga telah diiktiraf oleh pelbagai anugerah peringkat Malaysia dan antarabangsa bagi praktis kami di dalam kesihatan, keselamatan dan persekitaran. Audit operasi yang telah dilakukan oleh badan kerajaan dan badan berkecuali yang terkini, yang dilakukan sebagai langkah pemantauan telah mengesahkan bahawa kami mematuhi segala peraturan dan perundangan malah mendapati kami telah melaksanakan praktis pengurusan yang terbaik.


Penyokong kami mengetahui kebenaran mengenai Lynas dan hari ini kami dengan bangganya ingin berkongsi kebenaran dengan anda.

Bagi pihak pasukan Lynas Malaysia, Terima Kasih



Mashal Ahmad
Dato' Mashal Ahmad
VP & Managing Director,
Lynas Malaysia

Dakwaan Palsu	Kebenaran Adalah
✗ Lynas telah melanggar syarat lesen dan peraturan - Palsu	✓ Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi mengenai Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) lantikan Kerajaan Pakatan Harapan telah mendapati Lynas mematuhi semua peraturan dan perundangan yang berkaitan .
✗ Kos bagi rawatan buangan tidak difaktorkan di dalam kos operasi - Palsu	✓ Lynas merupakan organisasi yang amat bertanggungjawab. Kami telah mencagarkan sebanyak US\$42.2 juta kepada kerajaan Malaysia (di dalam bentuk tunai dan bon berlandaskan tunai) bagi tujuan pengurusan jangka panjang residu.
✗ Lynas telah mencemar air bawah tanah - Palsu	✓ Pada Mei 2019, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengatakan bahawa ujian terkini adalah negatif untuk logam berat. Timbalan Ketua Setiausaha MESTECC Dr Nagulendran Kangayatkarasu, telah mengesahkan bahawa: "Kami berterusan memantau air bawah tanah dan ianya bukan datang dari Lynas." Lynas bukanlah organisasi yang telah menyumbang kepada pencemaran air bawah tanah.
✗ Lynas adalah serupa dengan Asia Rare Earths di Bukit Merah - Palsu	✓ Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi mengenai Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) mendapati "terdapat perbezaan yang signifikan di antara bahan mentah yang digunakan dan residu yang dihasilkan di antara Asia Rare Earths (ARE) dan LAMP."
✗ Tempat penyimpanan residu Lynas adalah haram - Palsu	✓ Sehingga kini, semua tempat penyimpanan residu telah berulang kali diluluskan oleh pihak penguatkuasa.
✗ Lynas hanya di Malaysia kerana ia tidak dibenarkan memproses nadir bumi di Australia - Palsu	✓ Lynas telah mendapat kelulusan pemprosesan di Australia sebelum penubuhannya di Malaysia. Lynas memilih Malaysia kerana ia menawarkan peluang yang lebih baik dan menarik.





LAMPIRAN 5 UTUSAN MALAYSIA (KOTA): MUKA SURAT 46 & 47 TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)



TAPAK terbiar turut menjadi mangsa pembuangan sampah haram.

Penduduk PPR Kampung Limau bimbang Belukar punca 1,001 masalah

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN
utusanikota@gmail.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 JULAI

KIRA-KIRA 3,000 penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Limau, Pantai Dalam di sini melahirkan kebimbangan terhadap sebuah belukar terbiar berhampiran kawasan perumahan itu kerana dikhuatiri boleh mengancam keselamatan dan menjejaskan kehidupan mereka.

Penduduk mendakwa, kawasan belukar berkeluasan kira-kira 0.4 hektar yang terletak berdekatan stesen komuter Angkasapuri itu menjadi punca 1,001

Kawasan itu bukan sahaja menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes tetapi juga habitat haiwan berbisu seperti ular dan lipan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di lokasi baru-baru ini mendapati, dakwaan penduduk berhubung masalah itu berasas apabila semak-samun tumbuh menebal di kawasan yang hanya terletak kurang 10 meter dari perumahan bertingkat kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu.

Difahamkan, kawasan belukar yang menyamai keluasan padang bola sepak itu bakal dibangunkan sebuah projek perumahan namun sehingga ke hari ini status mengennainya terus menjadi tanda tanya.

Berdasarkan

masalah yang dihadapi mereka. Kawasan itu bukan sahaja menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes tetapi juga habitat haiwan



KENDERAAN buruk yang terbiar turut mengundang masalah kepada penduduk di perumahan bertingkat kendalian Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. - UTUSAN/ZULFAIZ ZAKARIA



LONGKANG berhampiran PPR Kampung Limau, Pantai Dalam dipenuhi sampah sarap yang dibuang segelintir pihak.



REAKSI



"KOLAM yang terletak dalam kawasan belukar di sini turut diceroboh sekumpulan remaja untuk mandi manda dan ia perlu ditangani sebelum insiden buruk berlaku."

AHMAD LONG
Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Kampung Limau



"DARIPADA terus terbiar, mengapa tidak tapak ini dibangunkan sebagai kawasan riadah. Sekurang-kurangnya ia memberi manfaat kepada penduduk sekitar."

MAT JUNAN NORDIN
Penduduk



"DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur perlu campur tangan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk termasuk mendesak pemaju melaksanakan kerja-kerja pembersihan tapak."

KAMARUDDIN NAYAN
Penduduk

pemerhatian, sebahagian pagar zink yang dipasang bagi tujuan keselamatan di tapak projek juga didapati hilang dipercayai telah dicuri.

Keadaan ini sekali gus memudahkan kawasan itu diceroboh segelintir pihak termasuk menjadikan lokasi sebagai tempat pembuangan sampah haram.

Turut dibangkitkan penduduk isu lambakan kenderaan yang sudah tidak lagi beroperasi sehingga mencaatkan

pe m a n d a n g a n di kawasan perumahan itu.



LAMPIRAN 6
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 25
TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)



Teknologi Hijau Dalam Kehidupan

TAHUKAH ANDA
Minyak masak yang telah digunakan di rumah anda berupaya menghasilkan sabun.

cetree.usm.my

Teknologi Hijau amat mudah diaplikasi dalam kehidupan seharian kita. Kurikulum pembelajaran tentang Teknologi Hijau telah dibangunkan dan akan diperkenalkan kepada pelajar sekolah menengah bermula tahun 2020.





LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 6
TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)

Johor tubuh Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar

Johor Bahru: Kerajaan Johor mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar bertujuan untuk menangani isu pencemaran di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar negeri, Tan Chen Choon, berkata jawatankuasa itu akan menangani sebarang insiden pencemaran menerusi tindakan pemantauan dan penguatkuasaan.


Ia akan turut menyelaraskan tindakan antara agensi menerusi bidang kuasa masing-masing supaya tindakan bersepadu dapat diambil.

“Jawatankuasa ini akan memfokus kepada tiga jenis kawalan pencemaran utama, iaitu pencemaran air, udara dan pengurusan buangan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Jawatankuasa itu akan dipengerusikan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar Dan Alam Sekitar negeri dan dianggotai oleh pelbagai agensi.

Setakat ini, ada 25 agensi dan jabatan yang terbabit, namun senarai akhir anggota jawatankuasa akan diumumkan selepas dimuktamadkan.

Chen Choon berkata, pemba-

 **Jawatankuasa ini memfokus tiga jenis kawalan pencemaran utama, iaitu pencemaran air, udara dan pengurusan buangan.**

Tan Chen Choon,
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar Johor

bitan pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar amat penting kerana isu pencemaran bukan sesuatu masalah yang bersifat silo.

“Punca dan bentuk pencemaran adalah pelbagai dan memerlukan tindakan bersepadu yang pintar serta cekap demi kesejahteraan rakyat.

Menerusi amalan dilakukan kerajaan negeri sebelum ini, satu Jawatankuasa Kerja, Teknikal dan Saintifik ditubuhkan hanya apabila berlaku pencemaran seperti di Sungai Kim Kim, Mac lalu dan pencemaran udara di Pasir Gudang, baru-baru ini.

**LAMPIRAN 8
THE SUN DAILY (ADVERTORIAL): MUKA SURAT 9
TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)**

Salam Sejahtera,

I am the Managing Director of Lynas Malaysia and I'm writing to you on behalf of our employees and contractors and their families.

In recent weeks you may have seen a campaign of false information by anti-Lynas activists. We have always welcomed informed debate, however, the spreading of false allegations and misinformation is unacceptable.

We cannot allow lies to stand unchallenged and we will not hesitate to take legal action against those who persist in defaming our people and our company.

Lynas Malaysia is a law-abiding company. The Pakatan Harapan government's Executive Review Committee report, released in December 2018, was the latest of four national and international reviews to have found our operations to be low risk and compliant with laws and regulations. This view is supported by Malaysia's eminent scientists.

We are proud of our outstanding employment, health, safety and environmental record. So the question must be asked - why is Lynas Malaysia being targeted by a small group of activists when the company has repeatedly been shown to have met all of its health, safety and environmental obligations?

Lynas Malaysia is accredited to international ISO standards and we have been recognised with many Malaysian and international awards for our health, safety and environmental practices. Recent independent and government audits of our operations, undertaken as part of regulatory oversight, confirm we are not only compliant but implementing best practice management.

Our many supporters know the truth about Lynas and today we are proud to share the truth with you.


On behalf of the Lynas Malaysia team, Terima Kasih,



Mashal Ahmad
Dato' Mashal Ahmad
VP & Managing Director,
Lynas Malaysia



False claim	The truth
✗ Lynas has breached its license conditions and violated regulations - False	✓ The Pakatan Harapan government's 2018 Executive Review Committee found that Lynas complies with relevant regulation.
✗ The cost of Lynas' waste treatment has not been factored into its operations - False	✓ Lynas is a responsible company and we have deposited US\$42.2 million with the Malaysian government (in cash and cash-backed bonds) for the purposes of long-term residue management.
✗ Lynas has polluted the groundwater - False	✓ In May 2019, the Minister for Water, Land and Natural Resources said the latest tests gave negative readings of heavy metals. The MESTECC Deputy Secretary General Dr Nagulendran Kangayatkarasu, confirmed this: "We are continuously monitoring and it's not coming from Lynas." Lynas is therefore not responsible for any groundwater pollution.
✗ Lynas is like Asia Rare Earths in Bukit Merah - False	✓ The Executive Review Committee found "significant differences between the raw materials and residues produced by Asian Rare Earth (ARE) and LAMP" .
✗ Lynas' residue storage is illegal - False	✓ All residue storage has been approved by the regulators, repeatedly, over years.
✗ Lynas is only in Malaysia because they are not allowed to process rare earths in Australia - False	✓ Lynas received approval to do processing in Australia before establishing in Malaysia. Lynas chose Malaysia because it offered a better opportunity.



LAMPIRAN 9
NEW STRAITS TIMES (INNOVATION): MUKA SURAT 47
TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)

AI to drive digital services

Artificial Intelligence will allow the rate of innovation to almost double, writes Nur Zarina Othman



Dr Keeratpal

ARTIFICIAL intelligence (AI) is seen as crucial in this digital services age. In fact, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) is expected to complete the development of the National Artificial Intelligence (AI) Framework by the end of the year to drive the country's AI ecosystem.

All around the world, digital services are getting very popular, for instance, online shopping sites, e-wallets, online banking and even purchase of food via the Internet.

ARTIFICIAL VERSUS REAL

In a recent study conducted by Microsoft and IDC Asia Pacific titled *Future Ready Business: Assessing Asia Pacific's Growth Potential Through AI*, it was found that AI will double the innovation rate as well as increase employee productivity by 60 per cent in Malaysia by 2021.

However, it noted that while seven in 10 business leaders polled agreed that AI is instrumental to their organisation's competitiveness, only 26 per cent of organisations in Malaysia have embarked on their AI journey.

For Axiata, which has 23 years experience in telecommunications, software development for mobiles and development of analytics solutions for various industries, AI is the way forward.

Its chief data scientist, Dr Keeratpal Singh, believes that successful industries are the ones which have deployed AI to listen to ideas and grumbles from feedback channels, collecting data, analysing them and providing near real-time competitive analysis before recommending relevant solutions.

All these will help industries survive the digital wave, he said, adding that companies which lack innovation and which do not have an agile strategy will be left behind.

"Digital services have evolved in Asia from the past few years with a large number of users moving from traditional touch points to digital channels," says Keeratpal.

CHALLENGES

In recent years, Keeratpal had contributed to international journals, presenting research papers in engineering and the use of technology for crime prevention.

For him, misconception is still a big factor in why AI is slow to gain a foothold here.

Malaysians are still reserved on the whole concept of AI, he said, adding that low publicity and no awareness of its benefits contributed to the slow growth of AI in the country.

"Many companies are not open to change. They think it's too expensive, it's not safe and are scared that AI will take over the world," he says.

Keeratpal believes that Malaysia has the infrastructure to adapt to the change. What's lacking, he says, is the framework.

"We need to up the 5G community. We need the upscaling," says Keeratpal.

AI INNOVATION ADAPTATION AND POTENTIAL

Cost is another issue, but Keeratpal says small organisations can find solutions that are suitable for them and which are within their means.

The challenge, he says, is creating motivation and developing the right competencies from top management all the way to frontline staff.

"Many find it hard to adapt to the digital culture. Also, in some organisations, data sources required for simple analytics purposes are still not ready. Implementing machine learning for predictive analytics and AI is far from practical," he says.



Digital services are getting very popular.

With the adaptation of AI, Keeratpal believes that businesses, big or small, will resolve issues faster.

BUSINESS INTELLIGENCE

With emerging economies, more traditional factories will utilise AI, IoT (Internet of Things) and autonomous machinery for manufacturing.

"Organisations need to see AI from a different angle. Look at its ability to handle big data, for example," says Keeratpal.

"AI can process much more data in a much shorter time, making businesses more efficient," he says.

There are also the safety, security and cost-savings aspects.

"With AI, our quality of life will improve. There will be more smart traffic lights and an improved transportation system. Digitalisation of businesses will provide better services. More jobs will also be created for innovation, research and development, and maintaining the digital ecosystem," he adds.






LAMPIRAN 10
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 60
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)

IN BRIEF

Heatwave may hasten Arctic ice melt

STOCKHOLM: As Europe's record-breaking heatwave drifts towards the Arctic, it threatens to accelerate the melting of ice in Greenland, which started earlier than normal this year, climate scientists warned on Saturday. After breaking records over Europe, the heatwave had swept over Scandinavia and was predicted to move towards Greenland, said the World Meteorological Organisation. That heat would add to a summer where the melting season started early and "persistent warm conditions have led to a large loss of ice".

LAMPIRAN 11
HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 34
TARIKH: 26 JULAI 2019 (JUMAAT)





LAMPIRAN 12 HARIAN METRO (GLOBAL): MUKA SURAT 32 TARIKH: 29 JULAI 2019 (ISNIN)

Sisa plastik bayar makanan

New Delhi: Sebuah kafe yang akan dibuka di timur bandar Ambikapur di Surguia, Chhattisgarh, India membolehkan orang ramai menukarkan sisa plastik kepada makanan percuma.

Reuters melaporkan, ia dikenali sebagai 'Garbage Cafe' atau Kafe Sampah pertama di India yang menyajikan makanan berkhasiat kepada gelandangan dan orang miskin malah menggalakkan penduduk untuk menjaga kebersihan bandar itu, kata Datuk Bandar Ajay Tirkey.

"Semua orang dialu-alukan mendermakan plastik. Kafe ini akan dikendalikan kaum wanita dan persiapan

sedang dibuat," katanya kepada Reuters.

Penggunaan plastik dila-rang di kebanyakan negeri, tetapi India masih menjana 26,000 tan sisa plastik setiap hari, menurut data kerajaan kerana ia sering dibuang di jalanan, longkang dan tapak pelupusan.

Kafe Sampah di India bakal dibuka pada bulan depan selepas ia dikenali di beberapa negara termasuk Kemboja dan Belgium.

Untuk satu kilogram sisa plastik, kafe itu menyajikan makanan berupa kari dengan nasi, lentil dan papadom, kata Tirkey.

Bagi setengah kilogram pula, pemungut sampah me-

nerima sarapan samosa, donat lentil atau roti sumbat.

Sistem pengurusan sampah itu ditubuhkan pada 2015 dan dikendalikan kaum wanita yang pergi ke setiap rumah untuk mengumpul plastik kitar semula, banyak membantu dengan menjadikan Ambikapur sebagai salah sebuah bandar terbersih di India.

Bandar itu juga yang pertama di India membina jalan raya diperbuat dari plastik pada 2015, bahkan memperoleh 1.2 juta rupee (RM71,614) sebulan hasil jualan plastik dan kertas kitar semula kepada perusahaan swasta, kata Tirkey. - Reuters



SEORANG lelaki di India mencari rezeki di sebalik timbunan sisa plastik. - Agensi